



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SELANGOR**

Menara NAZA TTDI
Tingkat 6, 12 dan 13
No. 11, Jalan Judo 13/45
Seksyen 13, 40100 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel: 603-5520 5200
Faks: 603-5520 5281
Laman Web:
<http://www.anm.gov.my/index.php/utama-selangor>

Ruj Kami : ANM.SEL.A.400-1/3/15-2(23)
Tarikh : 14 Oktober 2022

**Ketua Jabatan
Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Di Bawah Seliaan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Selangor**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PENYEDIAAN KERTAS KERJA SOKONGAN LEJAR AKRUAN BAGI PENYATA
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PRA-PERALIHAN TAHUN
KEWANGAN 2022 - PENUTUPAN INTERIM**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, semua Kementerian perlu menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) Pra-Peralihan Tahun 2021 bagi tujuan pengauditan oleh Ketua Audit Negara. Berikutan itu, Kertas Kerja Sokongan (KKS) Lejar Akruan bagi penutupan interim tahun 2022 hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Bahagian Akaun Kementerian melalui Pejabat Perakaunan masing-masing bagi menyokong PKKP Pra-Peralihan Tahun 2022.

3. Sehubungan itu, semua PTJ Membayar di bawah seliaan JANM Negeri Selangor perlu menyediakan dan mengemukakan pengesahan baki bagi kod akaun yang berkaitan mengikut format yang telah ditetapkan. Panduan bagi penyediaan pengesahan baki adalah dilampirkan bersama-sama dengan surat ini. **Pengesahan baki ini hendaklah dikemukakan sebanyak empat (4) salinan kepada JANM Negeri Selangor selewat-lewatnya pada hari Selasa, 1 November 2022.**

4. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah,

(RUHEILA AFZAN BINTI MUSA C.A.(M), CPFA(UK), ACMA, CGMA, PJK)
b.p Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Selangor
No. Tel.: 03 5520 5301
E-mel: ruheila@anm.gov.my